

16/04/1997

Sarawak rancang wujudkan kampung siber

KUCHING, Selasa - Sarawak merancang mewujudkan kampung siber (cyber village) di Kawasan Sama Jaya, dekat sini, dalam usaha memastikan negeri ini tidak arus pembangunan Teknologi Maklumat (IT).

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, langkah mewujudkan kampung siber juga akan dapat membantu mempertingkatkan industri yang berteraskan teknologi tinggi di negeri ini, yang mana sebahagian besarnya kini beroperasi di Sama Jaya.

"Kerajaan akan mendapatkan khidmat pakar IT bagi membantu merealisasikan rancangan mewujudkan kampung siber itu," katanya selepas menghadiri sesi Dialog Koridor Raya Multimedia bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui sidang video di Dewan Suarah, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan-Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan dan Tan Sri Alfred Jabu; Menteri Pembangunan Perindustrian negeri, Datuk Abang Johari Tun Openg.

(END)